

15 JUN 1999

JPM-Nostalgia (Laporan khas)

SELAMAT TINGGAL JPM DI JALAN DATUK ONN

Oleh: Ahmad Fuad Yahya

KUALA LUMPUR, 15 Jun (Bernama) -- Setelah menjadi nadi pentadbiran kerajaan Malaysia selama hampir 42 tahun sejak Merdeka, Jalan Datuk Onn di sini akan ditinggalkan buat selamanya bersama 1,001 kenangan.

Hari Rabu, 16 Jun ini, akan tercatat dalam sejarah sebagai tarikh akhir keputusan-keputusan kerajaan dibuat di Bukit Perdana, Jalan Datuk Onn apabila Jemaah Menteri mengadakan mesyuarat mingguannya yang terakhir di situ.

Menurut Setiausaha Akhbar kepada Perdana menteri Zakaria Abdul Wahab, mulai Rabu depan, mesyuarat Jemaah Menteri akan diadakan di pusat pentadbiran kerajaan persekutuan yang baru, yang serba moden dan tersergam indah di Putrajaya, 40km dari ibu negara.

Selama hampir 42 tahun itu, Kerajaan Malaysia tidak pernah meninggalkan Jalan Datuk Onn, kecuali secara sementara sebanyak dua kali iaitu pada masa Perdana Menteri Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein membina semula bangunan pejabat JPM itu dan pada masa Perdana Menteri sekarang Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad membaiki kerosakan akibat kebakaran di situ pada 1982.

Pada kedua-dua masa itu, Perdana Menteri Malaysia beroperasi di pejabat sementara di bangunan Parlimen, sementara menunggu kerja-kerja membaik pulih siap.

Bagi mereka yang pernah berkhidmat di JPM sejak zaman awal selepas kemerdekaan, kompleks JPM di Jalan Datuk Onn adalah satu warisan negara yang tidak dapat dinilai dengan harga.

Mereka termasuklah bekas Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Abdullah Mohd Salleh, yang pernah berkhidmat sebagai setiausaha sulit kepada Perdana Menteri pertama Almarhum Tunku Abdul Rahman.

Menurut Abdullah, kompleks pejabat JPM yang mula-mula di situ dibuat daripada bangunan kayu kerana sebuah pejabat Perdana Menteri perlu segera disiapkan pada tahun 1957 ketika negara mencapai kemerdekaan.

Ia dibina berhampiran dengan Residen, iaitu kediaman rasmi Perdana Menteri pada ketika itu Tunku cuma berjalan kaki ke pejabat mengikut laluan belakang dan masuk ke pejabatnya melalui pintu belakang.

Residen ialah bekas kediaman Penasihat British untuk Selangor, yang telah diubahsuai oleh kerajaan sebagai kediaman rasmi Perdana Menteri dan ia kini menjadi sebahagian daripada kompleks Memorial Tunku Abdul Rahman bersebelahan kompleks JPM di Jalan Datuk Onn.

Kompleks JPM yang asal itu turut menempatkan pejabat Timbalan Perdana Menteri yang pertama Allahyarham Tun Abdul Razak dan pejabat Menteri Dalam Negeri dan Unit Perancang Ekonomi (EPU).

"Sebelum Merdeka, sekretariat (pentadbiran kerajaan) ialah di Bangunan Sultan Abdul Samad... tapi bila kita Merdeka, kita ada Kerajaan Selangor, Kerajaan Persekutuan, jadi kerajaan membuat satu pejabat baru (Kerajaan Persekutuan) buat sementara di Bukit Perdana," kata Abdullah dalam satu temu ramah dengan Bernama.

Abdullah mula mengenali dan bekerja di JPM, Jalan Datuk Onn itu pada tahun 1959 apabila dilantik sebagai setiausaha sulit kepada Tunku tetapi tidak ingat bila bangunan pejabat JPM yang asal itu dibina.

Mengikut Laporan Tahunan Jabatan Kerja Raya 1957 yang kini disimpan di Arkib Negara, kompleks JPM yang asal itu dibina pada tahun 1957 dengan belanja RM248,000.

Laporan itu menyatakan bahawa dua projek pembinaan pejabat yang penting dalam tahun itu ialah kompleks JPM di Brockman Road dan kompleks pejabat

Jabatan Perangkaan di Young Road yang dibina dengan harga RM200,000.

Kompleks JPM menurut laporan itu, perlu disiapkan sebelum hari kemerdekaan sementara kompleks Jabatan Perangkaan diperlukan untuk Banci 1957. Kedua-dua projek pembinaan bangunan pejabat itu disiapkan dalam masa kira-kira empat bulan.

Abdullah akan sentiasa mengenang kisah-kisah manis semasa di JPM dan kenangan itu menjadi lebih hidup setiap kali beliau mengunjungi Memorial Tunku Abdul Rahman.

Satu peristiwa yang beliau tidak dapat lupakan di kompleks pejabat kayu JPM itu ialah tentang perselisihan faham yang berlaku di antara Tunku dan Menteri Dalam Negeri ketika itu Allahyarham Tun Dr Ismail sehingga menyebabkan Ismail menghantar surat peletakan jawatan.

"Tunku pagi tu datang jumpa saya... Dollah hah ambil surat ni, tengok resignation letter.

"Apa patek nak buat ni Tunku?... Hang simpanlah (jawab Tunku)," katanya.

Surat itu disimpan dalam peti dan selepas beberapa hari kemudian dia bertanya lagi kepada Almarhum Tunku.

"Tunku hari tu Tunku ada bagi patek satu surat, apa nak buat? Simpan (jawab Tunku)," katanya.

Tunku memberi jawapan sama apabila ditanya beberapa hari kemudian sehinggalah suatu hari apabila Abdullah mendapat panggilan dari setiausaha sulit kepada Ismail memberitahu bahawa bossnya mahu berjumpa Tunku.

Tunku agak lain pendekatannya, kerana semasa beliau dan Ismail berselisih faham, beliau meminta orang ketiga memperbaiki perhubungan itu, katanya.

Tunku diberitahu tentang perkara itu dan setelah mendapat kebenaran beliau dapat mendengar bunyi lantai papan yang berdentam dentum dari jauh lagi oleh kerana derap langkah, dan apabila meninjau keluar nampak Ismail sedang menuju ke pejabat itu.

Sebaik sahaja Ismail masuk ke dalam pejabat Tunku, pintu ditutup tetapi Abdullah dan dua orang lagi yang ada di situ mengintai ke dalam bilik itu melalui lubang kunci pintu.

Ketiga-tiga mereka memerhatikan gelagat Tunku dan Ismail dalam bilik itu, tetapi tidak dapat mendengar apa yang dicakap oleh mereka.

"Tun Ismail kelihatan sangat berang dengan mengangkat kedua-dua lengan ketika bercakap dengan Tunku dan Tunku pula asyik melemparkan senyuman kepada Tun Ismail.

"Mereka berdua berlainan personaliti, kita tak dengar apa dia cakap, lama-lama tengok muka Tun Ismail ada tersenyum sikit, lama tu Tun Ismail dan Tunku ketawa besar," katanya.

Sedang mereka asyik mengintai itu tiba-tiba Ismail berjalan menuju ke pintu untuk keluar dan kerana tidak sempat untuk beredar, ketiga-tiga mereka cuma berdiri tercegat di tepi pintu.

"Dia buka pintu, kita tiga orang berdiri tepi tu, dia suspect kita tinjau tak tahulah. Dia keluar, tang! tung!, tang! tung! (bunyi lantai papan kerana derap langkah), itulah cara dulu-dulu punya bangunan," katanya.

Beliau berkata, bangunan kayu itu digunakan sampai awal tahun 1970-an selepas beliau berpindah dari JPM pada tahun 1969 ke Universiti Kebangsaan Malaysia (apabila dipinjamkan sebagai pendaftar UKM dan kemudian dilantik pengerusi majlis UKM pada tahun 1975-87).

Semasa di UKM, beliau beberapa kali berjumpa dengan Perdana Menteri Kedua Allahyarham Tun Abdul Razak di pejabat sementara di bangunan Parlimen kerana pada ketika itu bangunan pejabat baru JPM sedang dibina.

Abdullah kembali bekerja di JPM apabila dilantik sebagai Ketua Setiausaha Negara pada tahun 1976 dan berkhidmat dengan Perdana Menteri

ketiga Allahyarham Tun Hussein Onn sehinggalah beliau bersara pada tahun 1978.

Mengenai kompleks baru JPM di Putrajaya, Abdullah berkata, "Kita akan melangkah ke hadapan supaya menjadi lebih baik, daripada bangunan kayu kepada bangunan batu, dan sekarang kepada bangunan yang sangat menarik.

"Malaysia sekarang mempunyai bangunan seperti dewan Kabinet di Downing Street, London, yang mungkin tahan lebih dari 100 tahun, dan kedudukannya di Putrajaya adalah amat sesuai, katanya.

"Separuh perjalanan antara lapangan terbang dan separuh perjalanan dari pusat komersil Kuala Lumpur.. perancangannya adalah baik, apabila saya lihat secara keseluruhannya, saya berpendapat ia adalah sangat baik," katanya.

Abdulllah gembira kerajaan tidak meneruskan rancangan awalnya untuk menubuhkan pusat pentadbiran di Janda Baik, Pahang, tetapi sebaliknya memilih Putrajaya.

Berkaitan dengan bangunan di Jalan Datuk Onn itu, Abdullah berharap kerajaan akan memeliharanya kerana berkemungkinan ia akan dijadikan Musium Perkhidmatan Awam Malaysia, kerana di situlah perkhidmatan awam bermula.

"Saya fikir (bangunan ini) adalah bersejarah, sebagaimana yang saya telah tulis surat kepada Dr Mahathir kita harus memelihara Stadium Merdeka untuk generasi yang akan datang .. dan sekali lagi saya berasa Jabatan PM ini harus dipelihara," katanya.

Abdullah berkata Dr Mahathir pernah menyatakan saya (Abdullah) terlalu sentimental terhadap Stadium Merdeka.

"Mungkin saya sentimental kerana pada masa itu orang segenerasi saya, kami duduk di stadium itu dan melaungkan Merdeka! Merdeka! pada pagi 31 Ogos 1957 yang renyai.

"Sesiapa sahaja yang berada di situ pada hari itu, sudah pasti tidak mahu melihat Stadium Merdeka yang dibina khas untuk memperingati kemerdekaan dimusnahkan," katanya.

Bangunan Jabatan PM itu adalah warisan negara yang tidak ternilai harganya, dan mesti dipelihara untuk generasi yang akan datang, dan beliau berharap Presiden Badan Warisan Malaysia Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid akan memastikan bangunan di Jalan Datuk Onn itu dipelihara.

-- BERNAMA

AFY RI